



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

GANGGUAN SEKSUAL BERI KESAN BURUK BERPANJANGAN KPWKM TINGKATKAN KEMPEN KESEDARAN

KUALA LUMPUR, 31 OKTOBER – YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan majlis pelancaran Program Usahasama Strategik @Advokasi Antigangguan Seksual Bersama Express Rail Link Sdn.Bhd di Balai Perlepasan KLIA Ekspres, KL Sentral pada hari ini. Program ini merupakan kesinambungan kepada Jerayawara KASIH KPWKM @advokasi anti gangguan seksual dengan pelaksanaan berbeza dimana ianya diadakan bersama pihak swasta yang bertujuan untuk memberikan kesedaran, dan pendidikan berterusan mengenai gangguan seksual agar budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan.

Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] telah digubal sebagai satu manifestasi penting Kerajaan bahawa kesalahan gangguan seksual merupakan satu pelanggaran kepada hak asasi manusia. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengekalkan kesejahteraan semua golongan masyarakat dan menghapuskan budaya menormalisasikan gangguan seksual di kalangan masyarakat Malaysia. Penggubalan Akta ini menunjukkan bahawa Kerajaan prihatin dan serius dalam menangani isu gangguan seksual bagi memartabatkan peradaban dan ketamadunan rakyat Malaysia. Di samping itu, ianya bertujuan mewajibkan majikan untuk mempamerkan notis mengenai gangguan seksual di tempat kerja selaras dengan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2023.

KPWKM menyambut baik inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian

Pengangkutan (MOT) untuk menyediakan koc wanita untuk perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Kajang yang telah dimulakan pada September 2023 yang lalu. Diharap inisiatif seperti ini akan dapat diperluaskan lagi kepada pengangkutan-pengangkutan awam yang lain. Semua pihak perlu memandang serius terhadap isu ini dan memainkan peranan masing-masing dalam membanteras gejala gangguan seksual. Usaha pencegahan dan kesedaran mengenai gangguan seksual bukanlah tanggungjawab Kerajaan atau pihak berkuasa semata-mata, namun ia adalah tanggungjawab yang perlu dipikul bersama oleh semua pihak agar kita dapat mewujudkan ekosistem dan persekitaran yang selamat serta kondusif.

Hadir pada majlis ini ialah YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YBrs. Puan Noormah Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif, ERL Sdn Bhd, YBrs. Puan Suriani Farisa Md Isa, Pengurus Kumpulan Pengurusan Sumber Manusia ERL Sdn Bhd dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
31 OKTOBER 2023**